

11 Jun 2004 **Jumaat**

## UMS atur strategi maju bidang pendidikan

KOTA KINABALU: Kecemerlangan yang dicapai Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam membantu meningkatkan pendidikan sejak penubuhannya 10 tahun lalu di negeri ini, bukan saja perlu dipertahankan, malah terus dipertingkatkan khususnya pada abad ini.

Sejajar dengan itu, beberapa strategi perlu dilaksanakan dalam memastikan UMS terus berupaya mendukung membangunkan negara ini dari segi pembangunan pendidikan kepada rakyat secara keseluruhannya.

Naib Canselor UMS, Prof Tan Sri Dr Abu Hassan Othman, berkata antara strategi itu ialah memberi penekanan utama kepada pendidikan sains dan teknologi.

Beliau berkata, UMS juga perlu memastikan keperluan masyarakat industri dan perdagangan diberi perhatian kerana merekalah penggerak utama kemajuan negara.

"Dalam pada itu, UMS juga perlu memastikan fokus universiti bukan hanya untuk menyediakan tenaga mahir, tetapi penyumbang kepada aktiviti penyelidikan.

"Selain itu, UMS juga perlu memastikan pentadbiran universiti terus progresif, telus, dan demokratik. Bagaimanapun, semua strategi itu hanya akan tercapai jika kita terus membudayakan nilai kecemerlangan dalam semua yang kita lakukan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan amanat kepada kakitangan UMS di Dewan Kuliah Perdana UMS di Teluk Likas, di sini semalam.

Lebih 800 kakitangan akademik dan pentadbiran serta sokongan UMS menghadiri Amanat Naib Canselor 2004 itu.

UMS ditubuhkan pada 1994 dengan pengambilan pelajar pertama seramai 205 orang. Sehingga 2003, UMS melahirkan seramai 6,779 graduan.

Sambil menegaskan UMS harus sinonim dengan kecemerlangan dan tidak ada kompromi dalam menuju kecemerlangan, Abu Hassan berkata ia disebabkan, cabaran yang paling besar abad ini menjangkau percaturan politik, krisis ekonomi dan kemelut sosial.

"Justeru, ia memerlukan keupayaan kita menggunakan ilmu bagi melahirkan masyarakat berpengetahuan dan berilmu. Ia kerana kita mempunyai tugas berat untuk memastikan kecemerlangan yang dibina sejak 10 tahun lalu bukan saja dipertahankan malah dipertingkatkan.

"Peralihan ekonomi ke arah berasaskan pengetahuan dan teknologi tinggi menuntut transformasi terus-menerus dalam bidang pendidikan. Justeru, peranan ini harus dimainkan oleh universiti seperti UMS," katanya.